

## MUJTAHID DAN KATEGORINYA

### Pengertian

Menurut Kamus Dewan, mujtahid ialah orang yang berusaha untuk mendapatkan sesuatu kesimpulan baru melalui kajian atau penyelidikan berdasarkan sumber dan kaedah yang sah (dalam kaitannya dengan agama Islam).<sup>1</sup> Manakala dari sudut istilah, mujtahid bermaksud golongan yang mempunyai keupayaan untuk berjihad iaitu mampu melaksanakan kajian terhadap hukum-hukum syarak yang bersifat amali menerusi dalil-dalil yang terperinci. Mujtahid juga dikenali sebagai seorang yang faqih di kalangan ulama Usul Fiqh maka tidaklah dianggap sebagai mujtahid dan faqih sekiranya mengetahui hukum-hukum syarak dengan menghafaz permasalahan fiqh atau mengambil permasalahan tersebut sama ada menerusi kitab-kitab atau daripada pembicaraan para ulama tanpa terlebih dahulu mengkaji, menyelidik serta melakukan proses istinbat ke atasnya.<sup>2</sup>

### Syarat-syarat Mujtahid

Antara syarat-syarat yang perlu ada pada seseorang mujtahid:<sup>3</sup>

#### 1. Menguasai bahasa Arab

Hendaklah seseorang mujtahid dapat memahami bahasa Arab dengan baik sama ada dari sudut tatabahasa, makna bagi sesuatu kalimah serta maksud dari struktur ayat-ayatnya. Malah, ia juga hendaklah berkemahiran dalam ilmu-ilmu alat bahasa Arab seperti *nahu*, *sorof*, *balaghah*, *mantik*, *adab* (sastera arab), *ma'aniyy* dan *bayan*. Kesemua ini sangat membantu seseorang mujtahid dalam memahami sesuatu nas syarak yang dikemukakan dengan baik dan tepat.

#### 2. Mengetahui al-Quran

Al-Quran merupakan rujukan dan asas utama dalam mengetahui hukum syarak. Ia mengandungi sejumlah ayat tertentu melibatkan hukum syarak sama ada *qat'iy* atau *zanniyy*. Sebahagian ulama menyatakan ayat-ayat berkenaan hukum sebanyak 500 ayat. Hakikatnya, ia adalah lebih dari itu dan tidak disyaratkan ke atas mujtahid untuk menghafaz keseluruhan ayat tersebut. Malah, memadai dengan hanya mengetahui kedudukan ayat berkenaan dalam mana-mana surah bagi memudahkannya untuk dirujuk ketika ia diperlukan. Di samping itu, seseorang mujtahid juga hendaklah mengetahui mana-mana ayat yang bersifat *nasikh* dan *mansukh* serta *asbab al-nuzul* dalam membantu memahami kehendak serta tujuan ayat-ayat berkenaan.

---

<sup>1</sup> \_\_\_\_\_, 2019. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. m.s. 1049.

<sup>2</sup> Zaydan. 'Abd al-Karim. t.t. *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. t.t.: Mu'assasah Qurtubah. m.s. 402.

<sup>3</sup> *Ibid*.

### 3. Mengetahui al-Sunnah

Seseorang mujtahid hendaklah mengetahui perkara-perkara yang berkaitan dengan hadis seperti status hadis sama ada *sahih* atau *dhaif*, *asbab al-wurud*, periwayatannya termasuklah sifat-sifat yang terdapat pada seseorang perawi hadis iaitu *adil*, *dhabit* (ingatan yang kuat), kewarakan serta kefaqihannya terhadap hadis yang diriwayatkan. Selain itu, hendaklah mengetahui berkenaan pengkategorian hadis yang meliputi *mutawatir*, *masyhur* dan *ahad* serta *nasikh* dan *mansukh* yang terdapat pada hadis. Tidaklah disyaratkan ke atas mujtahid untuk mengetahui semua hadis bahkan memadai dengan hanya mengetahui hadis-hadis hukum serta kaedah pentarjihan. Sepertimana al-Quran, hendaklah mengetahui sesuatu hadis itu melalui sumbernya iaitu kitab-kitab hadis sahih serta kedudukannya yang meliputi kitab dan bab yang terdapat dalam sumber berkenaan. Bagi mengetahui aspek perawi serta imam-imam hadis, maka hendaklah merujuk kepada ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil*.

### 4. Mengetahui ilmu *Usul al-Fiqh*

Ilmu *Usul al-Fiqh* merupakan ilmu yang wajib dipelajari dan dikuasai oleh seseorang mujtahid kerana ilmu ini merupakan tiang seri dalam amalan berijtihad yang mengandungi perbincangan berhubung pendalilan serta penjelasan mengenai kaedah istinbat hukum.

### 5. Mengetahui isu-isu yang telah diijma'

Hendaklah mengetahui permasalahan atau isu-isu yang telah disepakati dan diijma' oleh para ulama agar sesuatu ijtihad atau fatwa yang dikeluarkan oleh seseorang mujtahid tidak sama sekali bercanggah dengan perkara yang telah diijma'.

### 6. Mengetahui *Maqasid al-Syariah*

Hendaklah mengetahui *Maqasid al-Syariah* (objektif perundangan Islam) serta faktor-faktor penyebab sesuatu hukum itu dikeluarkan serta *masalah* kepada manusia. Hal ini bagi membolehkan proses istinbat hukum terlaksana sama ada menerusi *qias*, *masalah* serta *'adat* yang menyelubungi kehidupan manusia demi memenuhi keperluan serta kepentingan mereka. Keperluan ini apabila ketiadaan nas dalam menyelesaikan isu-isu yang membabitkan muamalat semasa.

### 7. Kesediaan fitrah untuk berijtihad

Kesediaan ini merangkumi sudut pemahaman yang teliti, jiwa yang bersih, berpandangan jauh serta diperkukuhkan dengan kecerdasan akal yang tajam dalam membentuk pemikiran fiqh (*aqliyyah fiqhiyyah*) yang padu dan jitu.

## Mufti dan Pengertiannya

Mufti diertikan sebagai orang yang dipertanggungjawabkan mengeluarkan fatwa.<sup>4</sup> Dalam konteks semasa, mufti merupakan seorang yang alim dalam hukum syarak serta mengetahui isu-isu baharu yang dikurniakan ilmu dan kemampuan dalam mengendalikan proses istinbat hukum syarak menerusi dalil-dalilnya lalu menjelaskannya.<sup>5</sup>

## Syarat-syarat Mufti

Antara kriteria tertentu yang melayakkan seseorang itu diperaku untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang mufti iaitu:<sup>6</sup>

1. Mukalaf (baligh dan menerima tanggungjawab syarak)
2. Muslim yang bersifat amanah
3. Bebas dari sifat kekurangan disebabkan oleh perkara fasik serta yang boleh menjatuhkan maruah diri
4. Berpotensi dalam memahami permasalahan semasa
5. Berfikiran waras
6. Benar dalam melaksanakan urusan dan proses istinbat
7. Menyedari akan keperluan bagi golongan yang memohon khidmat daripadanya sama ada orang awam, hamba, wanita serta golongan orang kurang upaya (OKU) termasuklah menerusi isyarat yang dikemukakan kepadanya.

Dalam hal ini, al-Syeikh Abu Amru Ibn al-Solah mengatakan bahawa seseorang mufti itu hendaklah tidak terkesan sama sekali dengan golongan yang dikenali olehnya sama ada dari kalangan kaum kerabat, musuh mahupun pihak-pihak tertentu yang cuba menawarkan faedah serta ancaman terhadapnya. Hal ini kerana seorang mufti bertanggungjawab dalam menyampaikan hukum syarak tanpa bersikap pilih kasih terhadap mana-mana pihak sekalipun.

## Kategori Mujtahid

Terdapat lima kategori atau peringkat bagi setiap mujtahid iaitu:<sup>7</sup>

1. Mujtahid Mutlaq Mustaqil

---

<sup>4</sup> \_\_\_\_\_, 2019. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. m.s. 1049.

<sup>5</sup> <https://www.iifa-aifi.org/ar/2203.html> Diakses pada 7 Ogos 2021.

<sup>6</sup> Al-Nawawiyy, Yahya bin Syarf. 1988. *Adab al-Fatwa wa al-Muftiyy wa al-Mustaftiyy*. Damsiyq: Dar al-Fikr. m.s. 19.

<sup>7</sup> Salleh, Kassim. 1992. *Ijtihad Sejarah Dan Perkembangannya*. t.t.: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri. m.s. 309 – 325. Lihat Mohamad, Zulkifli. 2013. *Istilah-Istilah Fiqah dan Usul: Empat Mazhab*. t.t.: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. m.s. 47 – 50.

Merupakan peringkat tertinggi dalam kalangan para mujtahid yang mempunyai pengetahuan yang mendalam berkenaan fiqh serta bertanggungjawab dalam merangka kaedah-kaedah fiqh dan usul mazhab serta mengamalkan ijtihadnya tanpa terikat dengan ijtihad para mujtahid yang lain. Golongan mujtahid yang tergolong dalam kategori ini seperti Sa'id bin al-Musayyib, Ibrahim al-Nakha'ie, al-Imam Abu Hanifah al-Nu'man, al-Imam Malik bin Anas, al-Imam al-Syafie, al-Imam Ahmad bin Muhammad bin Hanbal, al-Imam Awza'ie, al-Imam al-Layth bin Sa'ad, al-Imam Sufyan al-Thawriyy, al-Imam Muhammad al-Baqir dan anaknya iaitu al-Imam Ja'far al-Sadiq.

## 2. Mujtahid Muntasib

Mujtahid dalam kategori ini sebenarnya telah memenuhi kriteria sebagai mujtahid mutlak mustaqil namun ia mengamalkan ijtihadnya berdasarkan kaedah usul mazhab imamnya. Walau bagaimanapun, mujtahid di peringkat ini bukanlah bertaklid kepada imam mazhabnya dari sudut dasar usul atau pendalilannya bahkan ia hanya mengikut kaedah imam mazhab dalam berijtihad serta mengeluarkan pandangan hukum. Antara mujtahid yang tergolong dalam kategori ini seperti Abu Yusuf, Muhammad bin Hasan al-Syaybaniyy, Zufar, 'Abdullah bin Wahab bin Muslim bin Wahab al-Qurasyiyy, 'Abdul Rahman bin al-Qasim, Asyhub bin 'Abdul 'Aziz, al-Muzaniyy, al-Buwaytiyy, Al-Rabi' al-Jiziyy, al-Rabi' bin Sulayman al-Muradiyy, Soleh bin Ahmad bin Muhammad bin Hanbal, 'Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Hanbal, Abu Bakar al-Athram serta Ibrahim bin Ishak al-Harbiyy.

## 3. Mujtahid Muqayyad/Takhrij

Mujtahid berijtihad dalam permasalahan yang tidak diputuskan oleh imam mazhabnya namun tetap mengikut kaedah-kaedah dan usul yang telah ditetapkan. Dalam erti kata yang lain, ia mampu melaksanakan proses istinbat hukum terhadap isu-isu semasa serta berkeupayaan mengolah dalil-dalil yang dikenalpasti berasaskan kaedah dan usul yang berkenaan. Antara mujtahid dalam kategori ini seperti Abu Ishak al-Syiraziyy, Al-Marwaziyy, Ibnu Jarir, Abu Nasr, Ibnu Khuzaimah, Abu Bakar al-Khassaf, Abu Ja'far al-Tahawiyy, Abu Hasan al-Karkhiyy dan Abu Bakar al-Sarkhasiyy.

## 4. Mujtahid Tarjih

Mujtahid berkemampuan dalam mengenalpasti pendapat yang dipetik dari mazhabnya sama ada pendapat tersebut adalah kuat atau lemah seterusnya berkemampuan dalam memberi ulasan terhadap pendapat-pendapat yang diyakini adalah *sahih* dari segi *riwayah* atau *dirayah* berasaskan kaedah dan usul yang telah ditetapkan oleh imam mazhabnya. Maka, inilah yang dinamakan sebagai *tarjih*. Ia tidak hanya tertumpu pada pandangan imam mazhab semata-mata malah pandangan di kalangan *Ashab al-Imam* juga turut diambilkira. Antara mujtahid dalam kategori ini seperti al-Imam al-Nawawi, al-Imam al-Rafi'ie, Ibnu Hajar al-Haythamiyy, al-Imam al-Ramliyy, Ibnu al-Rusyd, Ibnu al-'Arabiyy, Ibnu Nujaym, Ibnu al-Hamam, al-Marghinaniyy, Ibnu Qudamah serta Abu al-Khattab.

## 5. Mujtahid Fatwa/Futya

Mujtahid berpengetahuan luas mengenai mazhab yang dianutinya yang meliputi hukum-hakam namun tidak berkemampuan dalam mengaplikasi *qiyas* serta pendalilan yang lain. Ia

hanya mampu dalam mengemukakan hujah atau pandangan yang *tarjih* dalam mazhabnya menerusi kitab-kitab muktabar. Ia tidak boleh melakukan *tarjih* namun mengetahui akan permasalahan yang telah ditarjihkan lalu menerangkannya. Dalam hal ini, mujtahid berkenaan boleh memberi fatwa dalam kerangka hukum yang telah dinaskan dalam mazhabnya.

## RUJUKAN

1. \_\_\_\_\_ . 2019. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Ahmad, Mohd Saleh. 1999. *Pengantar Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
3. Al-Nawawiyy, Yahya bin Syarf. 1988. *Adab al-Fatwa wa al-Muftiyy wa al-Mustaftiyy*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
4. Mohamad, Zulkifli. 2013. *Istilah-Istilah Fiqah dan Usul: Empat Mazhab*. t.t.: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
5. Salleh, Kassim. 1992. *Ijtihad Sejarah Dan Perkembangannya*. t.t.: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
6. Zaydan. 'Abd al-Karim. t.t. *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. t.t.: Mu'assasah Qurtubah.
7. <https://www.iifa-aifi.org/ar/2203.html>